

Bekalan ikan di Melaka stabil

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Tangkapan ikan nelayan di Melaka tidak terjejas dan masih mampu memenuhi keperluan pelanggan domestik, meskipun situasi kekurangan tangkapan sedang menghimpit beberapa negeri lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Persatuan Nelayan Melaka, Osman Wahid berkata, para nelayan setakat ini tiada masalah menangkap ikan.

Katanya, isu kekurangan ikan ketika ini hanya berlaku di negeri-negeri tertentu dan melibatkan beberapa jenis ikan.

"Nelayan di Melaka masih mampu penuhi keperluan pelanggan. Jumlah tangkapan bergantung kepada hari tersebut yang mana ada masanya banyak dan ada masa sedikit. Itu biasa.

"Jika ada kekurangan bekalan, kena pastikan jenis ikan apa yang tiada. Contohnya kembung yang banyak terdapat di perairan Pantai Timur, Pantai Barat Perak dan Kedah.

"Di Melaka tiada kembung

4m 10/6/2022

Ms : 32



Jumlah tangkapan bergantung kepada hari tersebut yang mana ada masanya banyak dan ada masa sedikit. Itu perkara biasa."

kerana di sini lebih banyak tenggiri serta parang. Oleh itu, memang tiada isu kekurangan tangkapan ikan oleh nelayan," katanya ketika ditemui.

Terdahulu, isu kekurangan bekalan ikan hangat diperkatakan selepas kenyataan berbeza dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan.

Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa bekalan ikan dalam negara mencukupi tetapi disanggah LKIM susulan pendaratan ikan yang berkurangan di seluruh negara sekaligus menjelaskan bekalan.